

ALIRAN AL-MURJIAH: FAHAMAN DAN KESANNYA TERHADAP ASPEK SOSIAL UMAT ISLAM DI MALAYSIA

Oleh: Mohd Nasron bin Yaacob*

Abstrak

Murjiah merupakan sebahagian daripada kelompok aliran pemikiran yang pernah muncul di penghujung kurun pertama Hijrah. Aliran ini membawa fahamannya yang tersendiri yang menyentub tentang konsep iman. Selepas beberapa dekad, akhirnya aliran Murjiah lenyap disebabkan keterpesongannya daripada ajaran al-Quran dan al-Sunnah dan kesedaran majoriti umat Islam untuk berpegang dengan ajaran Ahli al-Sunnah wal Jama'ah. Walau bagaimanapun, akhir-akhir ini fahaman Murjiah kembali mendapat tempat dalam masyarakat Islam terutama dalam hal-hal yang menyentub aspek sosial ummah.

Pendahuluan

Di akhir era pemerintahan *Khulafa' al-Rashidin*, umat Islam telah mengalami perselisihan pendapat yang getir, bermula dengan perselisihan di dalam masalah politik sehinggalah berjangkit kepada isu-isu akidah dan pemikiran. Ketika itu muncul beberapa aliran pemikiran baru yang mula melencong dari landasan manhaj yang diwariskan oleh Rasulullah SAW kepada umat Islam selepas zaman kenabian. Di antaranya ialah aliran *Murjiah* yang akan menjadi topik perbincangan dalam kertas kerja yang ringkas ini.

Aliran *Murjiah* yang dikategorikan sebagai aliran bid'ah dan sesat ini¹, telah muncul dengan membawa fahamannya yang tersendiri. Aliran Ahl al-Sunnah sepakat menolak aliran *Murjiah* dan fahamannya yang bercanggah dengan ajaran Islam. Penolakan ini jelas dapat dilihat di dalam karya-karya akidah ulama-ulama terdahulu dan sekarang. Sehubungan itu, penulis tidak akan membincangkan ciri-ciri bid'ah aliran *Murjiah* ini secara terperinci kerana jumur ulama telah menolak fahaman ini. Persoalan yang ingin dibincangkan di sini ialah sejauh mana fahaman *Murjiah* yang sudah terkubur sejak beberapa

* Pensyarah di Jabatan Usuluddin, KIAS

dekad yang lalu telah kembali mendapat tempat dan menjadi pegangan sosial bagi segelintir umat Islam khususnya di Malaysia hari ini.

Definisi *Murjiab*

Al-Murjiab adalah kata nama yang diambil daripada perkataan Arab iaitu *الرجاء*. Perkataan ini membawa dua pengertian iaitu:²

1. *الرجاء* dengan maksud menangguhkan,³ sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

*"Mereka berkata: Tangguhkanlah dia (Musa) serta saudaranya (Harun) ..."*⁴

Menurut Ibn 'Abbas erti *أرجه* ialah *أخره* (*tangguhkanlah dia*). Manakala Qatadah pula mengertikannya sebagai *أحيسه* iaitu "*taban dia*."⁵ Dalam ayat lain, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

*"Kamu boleh menangguhkan (menggauli) siapa yang kamu kebendaki di antara mereka (isteri-isterimu) dan (boleh pula) menggauli siapa yang kamu kebendaki ..."*⁶

Allah SWT juga berfirman di dalam ayat lain yang bermaksud:

*"Dan segolongan yang lain (dari orang-orang yang tidak turut berperang), ditempokkan keputusan mengenai mereka kerana menunggu perintah Allah sama ada Dia mengazabkan mereka ataupun Dia menerima taubat mereka. Dan (ingatlah) Allah amat mengetahui lagi amat bijaksana."*⁷

2. *Al-Irja'* dengan maksud *الأمل* dan *الرجاء* iaitu pengharapan. Firman Allah Taala yang bermaksud:

*"Mereka mengharapkan rahmat daripada Allah."*⁸

Pentakrifan *irja'* sebagai menangguhkan adalah merujuk pada prinsip *Murjiab* yang berpegang pada konsep memisahkan iman daripada amalan. Untuk takrifan *irja'* yang kedua iaitu memberikan harapan, maka ia adalah takrifan yang realiti dengan pegangan *Murjiab*, iaitu bagi mereka bahawa iman tidak

terjejas dengan maksiat sebagaimana ketaatan tidak berguna jika disertakan dengan kekufuran.⁹ Melihat kepada pengertian di atas, maka dapat dibuat rumusan awal bahawa *Murji'ah* memiliki ciri-ciri yang menjadi sandaran mazhab mereka iaitu:¹⁰

1. Memisahkan iman daripada amalan.
2. Mereka memberikan harapan keampunan Allah kepada pelaku dosa disebabkan adanya iman di dalam hati.

Al-Shahrastany juga menyebut bahawa perkataan *irja'* bermaksud menangguhkan hukuman atau balasan pelaku dosa besar ke hari akhirat. Oleh itu, dia tidak dikenakan sebarang hukuman di dunia. *Irja'* juga dimaksudkan sebagai menurunkan kedudukan Ali r.a. dari kedudukan pertama ke kedudukan yang keempat dalam susunan kedudukan *Khulafa' al-Rashidin*.¹¹

Sejarah *Murji'ah*

Muhammad Abu Zahrah dalam kitab beliau *Tarikh al-Mazahib al-Islamiyyah* ada menyatakan bahawa bibit awal kemunculan pemikiran *Murji'ah* adalah di zaman Sahabah r.a. lagi. Sewaktu umat Islam di zaman khalifah Uthman dan khalifah Ali dilanda kemelut politik yang parah, ada di kalangan Sahabah r.a. yang mengambil sikap berkecuali dan tidak memihak kepada mana-mana kumpulan yang bertelingkah pada masa itu. Di antara mereka ialah Sa'ad bin Abi Waqqas, Abu Bakrah, Abdullah bin Umar dan beberapa orang lagi kerana mereka berpegang pada pesanan Rasulullah SAW supaya tidak terlibat dengan fitnah yang akan menimpa umat Islam selepas zaman *nubuwwah*¹². Jadi, sikap mereka yang tidak menghukumkan mana-mana pihak sama ada benar atau bersalah, dianggap sebagai satu sikap *irja'* (menyerahkan hukuman kepada Allah SWT) terhadap orang-orang yang terlibat dengan kemelut politik di zaman tersebut.¹³

Perselisihan pendapat yang berlaku di kalangan umat Islam di zaman Sahabah r.a. itu tidak terhenti setakat isu-isu politik sahaja. Ia juga telah mengait sama beberapa perkara di antaranya mengenai hukum pelaku dosa besar. Maka muncullah aliran yang berpendapat bahawa hukum pelaku dosa besar hanya perlu diserahkan kepada Allah SWT sahaja tanpa penetapan hukum daripada mana-mana pihak. Bagi aliran ini, mereka tidak mahu memperbesarkan isu hukum pelaku dosa besar sehingga mencetuskan perbalahan besar di antara

umat Islam. Sehubungan itu, mereka telah membuat kesimpulan bahawa selagi seseorang itu mengucap dua kalimah syahadah maka mereka tidak termasuk dalam golongan kafir atau musyrik. Jadi, aliran ini dianggap sebagai aliran yang selamat kerana cuba keluar dari masalah khilaf di antara umat Islam di waktu itu.¹⁴

Walau bagaimanapun, aliran-aliran yang telah diterangkan di atas bukanlah aliran *Murji'ah* yang sebenar. Aliran-aliran tersebut hanyalah aliran yang mempunyai erti *Murji'ah* pada makna bahasa sahaja, tidak termasuk dalam erti *Murji'ah* yang sebenar. Aliran *Murji'ah* yang sebenarnya muncul selepas itu, dengan pendirian mereka bahawa dosa tidak menjejaskan iman. Asas pendirian aliran ini ialah bahawa iman itu diertikan sebagai ikrar, membenarkan, yakin dan makrifah sahaja, dan perkara maksiat tidak akan menjejaskan prinsip-prinsip dalam pengertian iman tadi. Ini kerana menurut mereka, bahawa iman itu adalah unsur yang terpisah daripada amalan.¹⁵ Bahkan ada di kalangan mereka yang melampau sehingga berpendapat bahawa iman hanya berkeyakinan di hati dan seseorang itu sudah dikira mukmin dengan keyakinannya itu dan akan dimasukkan ke dalam syurga, walaupun dia mengumumkan kekufuran dengan lidahnya, menyembah selain Allah, menyembah salib Kristian dan sebagainya.¹⁶

Berdasarkan kronologi sejarah umat Islam seperti di atas, dapat dilihat bahawa kemunculan *Murji'ah* ini adalah dalam dua hakikat yang berbeza. Yang pertama *Murji'ah* yang berpendirian bahawa hukum seseorang itu sama ada bersalah atau tidak, perlu ditangguhkan dan diserahkan kepada Allah. Justeru itu, mereka tidak berpihak kepada mana-mana pihak yang bertelagah di waktu itu dan tidak menentukan siapa yang salah dan siapa yang betul. Manakala *Murji'ah* kedua ialah beranggapan bahawa Allah mengampuni semua dosa selagi mana iman masih ada. Dan iman tidak terjejas walaupun disertakan dengan kemaksiatan seperti mana ketaatan tiada ertinya jika disertakan dengan kekufuran.¹⁷ Jadi, *Murji'ah* yang kedua inilah yang melakukan bid'ah dan penyelewengan terhadap pengertian iman yang sebenarnya.

Muhammad Abu Zahrah ada menyebut bahawa sebilangan ulama membahagikan *Murji'ah* kepada dua iaitu *Murji'ah al-Sunnah* dan *Murji'ah al-Bid'ah*. *Murji'ah al-Sunnah* ialah yang berpendirian bahawa pelaku dosa diazab oleh Allah mengikut kadar dosanya dan tidak kekal dalam neraka. Pendapat ini ialah pendapat sebilangan besar ulama fiqh dan hadith. *Murji'ah al-Bid'ah* pula ialah *Murji'ah* sebenar yang mesti dijauhi oleh umat Islam. Walau

bagaimanapun Muhammad Abu Zahrah menegaskan, bahawa adalah lebih baik untuk tidak menggelar golongan ulama pertama tadi atas nama *Murjiab al-Sunnah* demi mengelakkan sebarang kekeliruan dan salah sangka.¹⁸

Aliran-aliran *Murjiab*

Aliran *al-Murjiab* menurut *al-Baghdady* boleh dikategorikan kepada tiga aliran, iaitu *Murjiab al-Qadariyah*, *Murjiab al-Jabariyyah* dan *Murjiab al-Khalisah*.¹⁹ Manakala *al-Shahrastany* pula telah menambah satu lagi aliran iaitu *Murjiab Khawarij*.²⁰ *Murjiab al-Qadariyah* ialah aliran yang berpegang pada *al-irja'* dalam perkara iman, dan *al-qadr* seperti yang dibawa oleh golongan *Qadariyah*. Antara pendokong utama aliran ini ialah *Ghaylan al-Dimashqy*, *Abu Shamr* dan *Muhammad bin Shabib al-Basry*. *Murjiab al-Jabariyyah* pula adalah aliran yang berpegang dengan prinsip *al-irja'* dan menganggap perbuatan manusia sudah diatur dan ditetapkan oleh Allah SWT. Pelopornya ialah *Jahm bin Safwan*. Manakala *Murjiab al-Khalisah* pula adalah aliran yang dianggap terkecuali dari pegangan dua aliran tadi dan ia merupakan aliran *Murjiab* yang sebenar.²¹ Aliran ketiga ini dipecahkan kepada lima aliran.²² Aliran ini dikenali dengan *al-Murjiab* kerana mereka memisahkan hubung kait di antara amalan dengan iman.²³

Jadi, golongan *Murjiab* ini adalah orang-orang yang menyangka bahawa iman itu ialah ikrar semata-mata.²⁴ Menurut *al-Shahrastany* di dalam *al-Milal wa al-Nihal*, golongan ini terbahagi kepada beberapa kumpulan iaitu:

1. *Al-Yunusiyyah*

Aliran ini dinamakan dengan *al-Yunusiyyah* kerana merujuk kepada nama ketuanya iaitu *Yunus bin 'Aun an-Numayry*. Aliran ini berpendapat bahawa iman itu sekadar di hati dan di lidah, dan iman itu ialah *ma'rifah* (mengetahui) Allah, *mababbah* (kasih-sayang) dan *khudu'* (tunduk) kepada Allah dengan hati, dan juga pengakuan dengan lidah bahawa Allah itu tunggal dan tiada yang menyerupaiNya.²⁵ Iman menurut aliran ini juga bererti tidak sombong terhadap Allah, kerana bagi mereka iblis sebenarnya amat mengenali Allah tetapi dia menjadi kafir disebabkan kesombongannya sendiri. Seterusnya aliran ini juga berpendapat bahawa sesiapa yang memiliki kesemua ciri-ciri iman di atas tadi maka dia adalah seorang mukmin, manakala perkara ketaatan lain adalah bukan daripada iman. Sehubungan itu mereka berpendapat bahawa sesiapa yang

berjaya meletakkan kepatuhannya kepada Allah, serta menyayangiNya dengan ikhlas dan yakin maka perbuatan maksiat yang dilakukan tidak akan menjejaskan imannya. Ini kerana seseorang mukmin itu memasuki syurga adalah dengan sebab keikhlasan dan kasih-sayangNya, bukan dengan sebab amalan dan ketaatannya.²⁶

2. *Al-Ghassaniyyah*

Aliran ini adalah pengikut *Ghassan al-Kufy al-Murji'* yang berpendapat bahawa iman ialah *ma'rifah* kepada Allah SWT dan rasulNya serta mengakui segala apa yang diturunkan oleh Allah SWT dan dengan apa yang dibawa oleh rasul secara umum tanpa perincian. Aliran ini juga berpendapat bahawa iman itu tidak bertambah dan tidak berkurangan. *Ghassan* sendiri menyangka yang pendapatnya mengenai iman itu sama dengan pendapat Imam Abu Hanifah. Menurut pandangan Imam Abu Hanifah, iman itu ialah membenarkan dengan hati, dan ia tidak bertambah dan tidak berkurangan. Dengan pendapat ini maka Imam Abu Hanifah dianggap oleh pengikut aliran *Murji'ah* ini sebagai telah menangguhkan amalan dari iman. Ini adalah dakwaan yang tidak tepat dengan apa yang ditunjukkan oleh Imam Abu Hanifah sendiri melalui pengamalannya. Sebenarnya gelaran *Murji'ah* itu adalah tohmahan yang dilemparkan oleh Mu'tazilah dan Khawarij kepada Imam Abu Hanifah. Puak Mu'tazilah dan juga puak *al-Wa'idyyah* dari Khawarij akan menggelar orang yang menentang mereka sebagai *Murji'ah*. Oleh kerana Imam Abu Hanifah merupakan penentang kuat dua aliran ini, maka beliau digelar dengan gelaran *Murji'ah*.²⁷

3. *Al-Thawbaniyyah*

Aliran ini adalah pengikut *Abu Thawban al-Murji'* yang berpendapat bahawa iman ialah pengakuan dan makrifah tentang Allah, rasul-rasulNya, dan dengan semua perbuatan yang wajib menurut akal. Dan setiap apa yang tidak perlu dilaksanakan menurut akal, maka pengetahuan terhadap perkara tersebut bukanlah daripada iman. Mereka berbeza pendapat dengan *al-Yunusiyyah* dan *al-Ghassaniyyah* apabila berpandangan bahawa sesuatu kewajipan yang diakui oleh akal mesti ditunaikan walaupun pada ketika itu wahyu belum lagi turun untuk mengesahkan kewajipan itu.²⁸ Di dalam aliran ini juga ada beberapa pendapat mengenai mukmin yang berdosa dan pembalasan terhadapnya di hari akhirat seperti yang dinaqalkan oleh penulis kitab *al-Milal wa al-Nihal*.²⁹

4. *Al-Tumaniyyah*

Nama aliran dirujuk kepada *Abu Mu'az al-Tumany*. Aliran ini berpendapat bahawa iman itu dapat memelihara seseorang dari kekufuran. Dan sesiapa yang meninggalkan satu prinsip dari prinsip-prinsip iman maka dia kufur dan tidak disebut sebagai iman, kerana iman itu ialah merangkumi kesemua prinsipnya.³⁰ Prinsip-prinsip tersebut ialah *ma'rifah*, *tasdiq*, *mahabbah*, *ikhlas* dan pengakuan terhadap apa yang dibawa oleh rasul.³¹ Begitu juga jika para ulama tidak sepakat menghukumkan kafir bagi orang yang meninggalkan perkara-perkara wajib, maka tidak boleh dikatakan sebagai orang yang fasik tetapi hanya boleh dikatakan sebagai telah melakukan perbuatan fasik dan dosa. Bagi orang yang menampar dan membunuh nabi maka dia kufur. Yang demikian itu bukan kerana tamparan dan pembunuhan itu, tetapi kerana permusuhan, kemarahan dan usahanya menghalang nabi tersebut.³²

5. *Al-Marisiyyah*

Golongan ini adalah pengikut *Bishr al-Marisy* yang merupakan aliran *Murji'ah* Baghdad. Ayahnya seorang Yahudi Kufah. *Al-Marisy* adalah seorang ahli fiqh dan ahli ilmu kalam dan pernah berdebat dengan Imam Shafe'i, tetapi hujah-hujah yang diberi sangat lemah. *Al-Marisy* berpegang pada mazhab Abu Yusuf al-Hanafy. Dia pernah mengeluarkan pendapat bahawa al-Quran adalah makhluk. Pendapatnya ini menyebabkan dia dianggap sesat oleh Imam Abu Yusuf dan golongan *al-Sifatiyyah*. Dalam isu perbuatan manusia, *al-Marisy* menyokong pendapat *al-Sifatiyyah* bahawa Allah SWT mencipta perbuatan manusia sehingga dia dituduh sebagai kafir oleh Mu'tazilah. Dalam memperkatakan tentang iman, dia berpendapat bahawa iman ialah membenarkan dengan hati dan lidah, sebagaimana pendapat *Ibnu al-Rawandy* bahawa kufur itu ialah keengganan dan keingkaran. Mereka berdua juga berpendapat bahawa sujud kepada matahari, bulan dan berhala bukanlah kekufuran, tetapi merupakan tanda-tanda kufur.³³

6. *Al-'Ubaidiyyah*

Menurut *al-Shahrastany*, aliran *al-'Ubaidiyyah* juga termasuk dalam aliran *Murji'ah*. Aliran ini terdiri daripada pengikut *'Ubaid al-Mukta'ib*. Dia berpendapat bahawa apabila seseorang manusia itu meninggal dunia di dalam tawhid, maka segala dosa dan kejahatan yang pernah dilakukan tidak memudaratkannya. Dia juga berpendapat bahawa Allah SWT adalah dengan bentuk manusia, seperti

takwilan yang telah dibuat pada hadith Rasulullah SAW yang bermaksud: *Allah mencipta Adam menurut rupa bentuk al-Rahman (iaitu menurut rupa bentuk Allah sendiri).*³⁴

7. *Al-Salibiyyah*

Mereka ini adalah pengikut *Salib bin Umar al-Salibi*. Pada hakikatnya *al-Salibi* ini adalah daripada golongan *qadariyyah Murji'ah*, tetapi *al-Shahrastany* menyenaraikannya sebagai sebahagian daripada *Murji'ah* yang sebenar. Di antara pendapat yang diutarakan oleh aliran ini ialah iman itu *ma'rifah* terhadap Allah semata-mata dengan mempercayai bahawa alam ini ada penciptanya. Manakala kufur itu ialah jahil terhadap Allah semata-mata.³⁵ *Ma'rifah* terhadap Allah ialah *mahabbah* dan tunduk, dan beribadat kepada Allah itu adalah beriman kepadaNya dan itulah *ma'rifah* terhadap Allah.³⁶

Dari huraian di atas, jelaslah bahawa aliran *Murji'ah* mempunyai pentakrifan yang tersendiri terhadap pengertian iman. Ramai daripada kalangan *Murji'ah* berpendapat bahawa iman ialah membenarkan dengan hati terhadap beberapa prinsip seperti *ma'rifah*, *tasdiq*, *mahabbah*, *ikhlas*, *iqrar* dan sebagainya. Jadi, sesiapa yang beriman dengan hati sahaja maka dia telah menjadi mukmin dan muslim, walaupun keimanannya itu tidak disertakan dengan pengucapan lidah. Manakala sebilangan *Murji'ah* yang lain berpendapat bahawa iman terdiri dari dua rukun iaitu membenarkan dengan hati dan mengakui dengan lidah.³⁷ Jadi menurut dua pendapat golongan *Murji'ah* ini, maka amalan seseorang tidak berkait dengan iman sebagaimana yang dibawa dan dipertahankan oleh *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*.

Faktor Kemunculan *Murji'ah*

Kemunculan *Murji'ah* sebenarnya adalah natijah dari konflik pemikiran dan akidah yang melanda umat Islam ketika itu. Kelahiran metode berfikir dalam permasalahan akidah telah memunculkan aliran-aliran seperti Khawarij, Syi'ah dan Mukta'zilah. Hukuman akhirat bagi pelaku dosa besar telah menjadi sebahagian dari isu hangat yang diperbincangkan di waktu itu. Bagi aliran Khawarij, mereka menghukumkan pelaku dosa besar adalah kafir. Bagi Mukta'zilah pula, orang tersebut dihukumkan bukan mukmin dan bukan kafir tetapi berada di antara kedudukan mukmin dan kafir. Manakala segolongan Tabi'in termasuk Hasan al-Basri menghukum pelaku dosa besar sebagai

munafik. Bagi sebilangan besar ulama Islam, mereka berpendapat bahawa pelaku dosa besar adalah dihukumkan sebagai pelaku maksiat dan ketentuannya adalah terserah kepada Allah SWT. Ketika inilah muncul *Murji'ah* yang mengutarakan pendapat mereka bahawa tiada kesan apa-apa dengan dosa jika disertai iman, seperti sesuatu ketaatan itu tiada manfaat jika disertai dengan kekufuran.³⁸ Di samping itu juga, aliran *Murji'ah* mengatakan bahawa sebenarnya aliran Mukta'zilah, Syi'ah dan Khawarij adalah daripada orang-orang beriman. Cumanya sebilangan mereka ada yang salah dan ada yang betul, dan seseorang itu tidak ada kemampuan untuk menentukan siapakah yang betul, maka cukuplah sekadar diserahkan status sebenar mereka itu kepada Allah SWT.³⁹

Berdasarkan keterangan di atas, jelaslah bahawa *Murji'ah* adalah satu aliran yang telah muncul di zaman kemelut politik dan akidah umat Islam berada di dalam suasana getir. *Murji'ah* muncul membawa fahaman yang terseleweng daripada al-Quran, al-Sunnah dan manhaj para Sahabah r.a. Ini kerana mereka beranggapan iman hanya pengakuan dan tidak bersangkutan dengan amalan. Justeru itu, *Murji'ah* merupakan sebahagian daripada aliran-aliran puak yang sesat dan bid'ah seperti Mu'tazilah, Syi'ah, Khawarij dan mereka bukan daripada kelompok golongan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*.⁴⁰

Murji'ah Sebagai Satu Fahaman

Berdasarkan perbincangan di atas, fahaman *Murji'ah* ini mempunyai beberapa prinsip penting, dan ia dapat diringkaskan sebagaimana berikut:⁴¹

1. Aspek amalan tidak dianggap sebagai sebahagian daripada iman.
2. Iman itu tidak bertambah dan tidak berkurangan.
3. Pelaku dosa besar akan berada di syurga tanpa dimasukkan ke dalam neraka terlebih dahulu, kerana iman tidak mudarat dengan maksiat sebagaimana ketaatan tidak bermanfaat jika bersama dengan kekufuran.

Melihat kepada prinsip di atas, jelas bahawa fahaman *Murji'ah* ini merupakan fahaman yang menganggap amalan bukan sebahagian daripada iman. Dan seseorang mukmin yang melakukan maksiat dan dosa akan berada di syurga tanpa didahului dengan azab neraka. Ini kerana iman yang berada di hatinya tidak akan terjejas dengan maksiat dan dosa yang dilakukan sebagaimana ketaatan tidak akan berguna jika disertakan dengan kekufuran. Oleh itu, orang

ini akan dimasukkan ke dalam syurga disebabkan adanya iman di dalam hati walaupun dia berdosa, sedangkan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* berpendapat dia akan dimasukkan ke neraka dahulu sebagai *kaffarah* terhadap dosa-dosa yang pernah dilakukan.

Justeru itu, jelas sekali bahawa fahaman ini seolah-olah membuka ruang kepada seseorang mukmin untuk melakukan perkara-perkara maksiat tanpa merasa gerun dan takut terhadap larangan Allah. Fahaman ini melihat bahawa hanya dengan pengakuan dan membenarkan Allah sahaja sudah memadai untuk menjadi seorang mukmin. Dan imannya itu akan memberinya harapan untuk mendapatkan keampunan Allah terhadap maksiat yang dia kerjakan, sesuai dengan asas pegangan aliran itu.⁴²

Kesan Fahaman *Murji'ah* Terhadap Umat Islam di Malaysia

Ringkasan kepada fahaman *Murji'ah*, bahawa apabila seseorang muslim melakukan perbuatan maksiat tetapi akidahnya masih lagi disandarkan pada sumber yang betul maka dia adalah seorang '*asi*' atau pelaku maksiat. Orang ini menurut *Ahl Sunnah wa al-Jama'ah* akan dimasukkan ke dalam neraka terlebih dahulu sehingga dibersihkan dari segala dosa, dan selepas itu barulah dimasukkan ke dalam syurga. Tetapi fahaman *Murji'ah* menolak pendapat ini, bahkan pelaku maksiat sekali-kali tidak akan dimasukkan ke dalam neraka kerana penghuni neraka hanyalah daripada kalangan orang-orang yang ingkar kepada Allah SWT. Adapun pelaku maksiat itu tidak termasuk dalam kalangan orang-orang yang ingkar kerana di dalam hati mereka masih lagi mempunyai keimanan kepada Allah, justeru itu tidak patut mereka dimasukkan ke dalam neraka.

Jadi, menurut pemahaman *Murji'ah*, perlakuan maksiat tidak akan menjejaskan iman. Apabila dilihat pada realiti segelintir masyarakat Islam khususnya di Malaysia hari ini, pemikiran mereka sudah memiliki ciri-ciri yang menjadi asas pada pemikiran dan fahaman *Murji'ah* seperti yang dibincangkan di atas. Fahaman *Murji'ah* pada hari ini tidak dibawa oleh satu golongan yang terang-terangan melaungkan idea-idea mereka, tetapi ia mempengaruhi masyarakat apabila pegangan terhadap ajaran agama telah longgar dan disisihkan dari rutin kehidupan. Di sini penulis membawa beberapa contoh amalan sosial segelintir umat Islam hari ini iaitu:

1. Masalah aurat

Segelintir umat Islam terutamanya gerakan pemikiran moden tertentu telah mendesak agar pihak berkuasa tidak menggunakan paksaan ke atas wanita Islam menutup aurat. Agama bagi gerakan ini adalah bergantung kepada iman dan kesanggupan. Mengenakan undang-undang dan peraturan atas pemakaian tidak semestinya akan menambahkan ketakwaan orang-orang Islam. Sebaliknya tindakan berbentuk paksaan ini akan membawa kepatuhan yang timbul dari perasaan gerunkan pihak berkuasa dan Islam.⁴³ Gerakan ini juga berani mentafsirkan sendiri ayat-ayat al-Quran berlandaskan logik akal fikiran tanpa merujuk kepada para ulama yang memiliki keautoritian dalam ilmu tafsir. Menurut gerakan ini, al-Quran sendiri lebih menekankan perihal pentingnya takwa berdasarkan ayat 26 surah al-A'raf yang bermaksud: "... *pakaian berupa takwa itulah sebaik-baiknya*", berbanding dengan kain yang menutupi tubuh sama ada betapa banyak atau kurangnya kain tersebut. Jadi, al-Quran menjelaskan bahawa sifat kesederhanaan dan kesopanan seseorang timbul dari ketakwaan dan ia tidak boleh dipaksa sama ada dengan menutup atau mendedahkan aurat. Kerana itulah, tindakan pihak berkuasa mengharamkan satu konsert raksasa dan menangkap tiga orang peserta ratu cantik suatu ketika dahulu dilihat sebagai tidak adil, melampau dan keterlaluan.⁴⁴ Oleh itu menurut gerakan ini, pandangan masyarakat Islam yang menganggap bahawa pemakaian tudung adalah simbol ketakwaan sebenarnya tidak tepat dan tidak kena pada tempatnya.⁴⁵

Selain dari ayat 26 surah al-A'raf di atas, gerakan liberal ini juga mentafsirkan beberapa ayat lain yang berkait dengan tuntutan menutup aurat iaitu ayat 30 – 31 surah al-Nur, ayat 60 surah al-Nur dan ayat 59 surah al-Ahzab. Apabila dibuat penelitian terhadap tafsiran ayat-ayat tadi, jelas sekali bahawa mereka bergantung pada rasional akal untuk membuat pentafsiran itu tanpa merujuk kepada alim ulama yang berautoriti dalam ilmu tafsir, malah mereka sendiri pun tidak mempunyai kelayakan untuk mentafsirkan nas-nas tersebut. Justeru itu, pendapat gerakan ini banyak dipengaruhi rasional akal dan emosi sehingga sanggup mentafsirkan ayat-ayat tersebut bersesuaian dengan perjuangan mereka.

2. Pergaulan sosial

Islam telah menganjurkan sistem hubungan sosial yang adil dan mengambil kira semua kepentingan dan kebebasan individu serta kesannya kepada orang lain. Walau bagaimanapun, hakikat ini tidak dapat diterima oleh segelintir

umat Islam hari ini yang mendakwa syariat Islam telah dipergunakan oleh orang-orang yang berkepentingan untuk menyekat kebebasan mutlak individu. Bahkan tindakan-tindakan yang cuba diambil oleh pihak berwajib bagi mengawasi akhlak masyarakat dianggap telah mencabuli kehormatan individu serta hak asasinya sebagai rakyat. Cara seseorang berpakaian serta bagaimana, di mana dan dengan siapa mereka memilih untuk bergaul adalah perkara peribadi dan pilihan persendirian. Oleh itu, di antara tuntutan gerakan ini ialah meminta pihak berkuasa agar membubarkan semua peruntukan dalam undang-undang agama yang menghalang rakyat daripada mengecapi hak-hak asasi peribadi.⁴⁶

Di dalam al-Quran sendiri sebenarnya sudah pun digariskan batas-batas sosial dan pergaulan yang selamat bagi umat Islam seperti larangan berhias dengan perhiasan jahiliyyah, larangan mendekati zina, batasan pergaulan lelaki dan wanita, minum arak, judi dan banyak lagi.⁴⁷ Demikian juga pengajaran hadith-hadith Rasulullah SAW yang memperincikan lagi perbincangan mengenai batas-batas sosial dan kaedah yang selamat dari fitnah dan dosa.⁴⁸ Maka jelas sekali pemikiran di atas tadi yang melihat bahawa setiap individu mesti diberikan hak-hak asasi peribadi adalah bercanggah dengan syariat Islam.

3. Penganjuran konsert amal

Program hiburan yang dipanggil sebagai konsert amal biasanya bermatlamat untuk mengumpul dana bagi membantu anak-anak yatim, orang yang memerlukan bantuan atau orang yang ditimpa sesuatu musibah. Jadi, matlamat program ini adalah baik, tetapi jika konsert tersebut tidak menjaga batas-batas syariat maka ia tetap tidak dibolehkan. Di antara ciri-ciri konsert sama ada amal ataupun tidak amal yang bersalahan dengan hukum syarak:

1. Percampuran penonton lelaki dan perempuan.
2. Tidak menjaga batasan aurat sama ada oleh pihak artis ataupun penonton.
3. Penampilan para artis yang membuat persembahan, dengan tarian dan lenggok badan artis perempuan di atas pentas.
4. Mesej yang dibawa melanggar batasan syarak.
5. Adanya unsur-unsur hedonisme yang melampau,⁴⁹ dan sebagainya.

Namun pemikiran *Murji'ah* melihat bahawa ciri-ciri tersebut tidak akan menjejaskan tahap keimanan mereka kepada Allah SWT yang sudah pun diakui oleh hati.

4. Perayaan agama

Pengenalan istilah *kongsi raya* dilihat sebagai satu mekanisme penyatuan di antara bangsa yang menganut pelbagai agama di sesuatu tempat. Keputusan untuk menerima pakai istilah *kongsi raya* bagi kesemua perayaan utama ini dibuat berlandaskan hakikat bahawa perayaan yang disambut bersama mempunyai kesan penting dalam pemupukan perpaduan. Matlamat akhir istilah *kongsi raya* ialah membentuk rakyat berbilang agama sebagai satu keluarga besar yang erat dan bersatu padu.⁵⁰ Namun yang jelasnya, perayaan-perayaan sesuatu agama adalah perayaan yang disambut oleh penganut-penganutnya bagi memenuhi tuntutan agama mereka. Dalam *Murji'ah*, ada sesetengah aliran yang berpendapat bahawa jika seseorang itu menyembah selain Allah SWT tetapi di dalam hatinya tetap beriman kepada Allah SWT maka dia tidak menjadi kafir dan tindakannya itu tidak menjejaskan imannya kepada Allah SWT.⁵¹ Sebenarnya konsep *kongsi raya* ini walaupun bermatlamat baik iaitu memupuk perpaduan, namun secara tidak langsung ia seolah-olah mengajak umat Islam untuk menerima hakikat bahawa agama-agama lain selain Islam juga adalah agama yang benar. Sedangkan matlamat pengutusan Muhammad SAW adalah untuk mengiktiraf hanya Islam sahaja agama yang sah dan direcai oleh Allah SWT melalui firmanNya yang bermaksud:

*"Sesungguhnya agama (yang direcai) di sisi Allah hanyalah Islam."*⁵²

Malah gambaran sebenar penolakan terhadap konsep kompromi dalam agama ini telah pun ditunjukkan oleh Rasulullah SAW melalui jawapan baginda kepada musyrikin Mekah yang mahukan pengkompromian dan perkongsian dalam agama sebagaimana yang telah diwahyukan oleh Allah SWT bermaksud:

*"Bagi kamu agama kamu dan bagiku agamaku."*⁵³

Justeru itu, istilah *kongsi raya* sebenarnya perlu dikaji semula bagi memastikan ia tidak bercanggah dengan hukum syarak. Ini kerana kesediaan untuk meraikan perayaan agama-agama lain boleh merosakkan akidah dan boleh menjurus kepada perbuatan syirik.⁵⁴ Dan gagasan bahawa semua agama adalah sama ini sebenarnya sangat asing daripada kesejatan ajaran Islam itu sendiri.⁵⁵

Jadi, fenomena-fenomena di atas tadi merupakan sebahagian daripada realiti sosial masyarakat Islam hari ini khususnya di Malaysia yang jelas ditegah oleh syarak. Tetapi disebabkan pegangan rapuh segelintir umat Islam terhadap

hukum syariat dan kejahilan mereka di samping serangan aliran pemikiran moden terhadap masyarakat, maka tegahan itu dianggap tidak menjejaskan tahap keimanan yang dipegangi. Oleh yang demikian, konsep fahaman *Murji'ah* yang pernah wujud suatu masa dahulu, telah kembali dipegang dan dipraktikkan oleh segelintir umat Islam pada hari ini yang ia juga sebenarnya bercampur aduk dengan idealisme-idealisme moden lain yang rancak menyerang pemikiran umat Islam di seluruh dunia.

Hubungan Fahaman *Murji'ah* Dengan Aliran Pemikiran Moden

Jelaslah di sini bahawa fahaman *Murji'ah* ialah suatu fahaman yang beranggapan bahawa iman itu ialah pengakuan dengan hati dan lidah sahaja atau hanya pengakuan dengan hati sahaja tanpa perlu dibuktikan dengan amalan dan tindakan. Jadi, sesiapa sahaja yang sudah memperakukan bahawa dia adalah seorang muslim dan beriman kepada Allah SWT, maka apa pun tindakan dan amalan yang dilakukan selepas itu dianggap tidak akan menjejaskan tahap iman yang sudah diakuinya itu. Fahaman *Murji'ah* ini hampir sama dengan beberapa aliran pemikiran moden yang telah dikesani pada hari ini. Di antaranya ialah hedonisme iaitu pegangan atau pandangan hidup yang mementingkan keseronokan atau kesenangan hidup, sekularisme iaitu fahaman yang menolak nilai-nilai keagamaan dalam kehidupan sosial manusia,⁵⁶ liberalisme iaitu fahaman atau pendirian yang mahukan demokrasi serta kebebasan dalam kegiatan ekonomi, politik, perundangan dan sosial,⁵⁷ feminisme iaitu gerakan atau fahaman yang menuntut persamaan hak wanita seperti yang dinikmati oleh kaum lelaki,⁵⁸ dan pluralisme iaitu fahaman yang melihat semua agama adalah sama.⁵⁹ Walaupun fahaman-fahaman tersebut mempunyai ciri-ciri tertentu yang membezakan di antara satu sama lain, namun kesemuanya sepakat untuk menolak campur tangan agama di dalam rutin kehidupan individu dan menggunakan rasional dan logik akal untuk membentuk pemikiran dan idea hidup sendiri.

Penutup

Sebagai kesimpulan terhadap perbincangan ini, jelaslah bahawa aliran *Murji'ah* adalah mazhab pemikiran yang telah muncul bersama-sama dengan aliran-aliran seperti Syi'ah, Muktazilah dan Khawarij di penghujung pemerintahan *Khulafa' al-Rashidin*. Idea yang dibawa oleh *Murji'ah* ialah iman itu sekadar

pengakuan hati dan ia tidak berkait dengan amalan dan perbuatan. Maka sebarang perbuatan maksiat yang dilakukan oleh seseorang yang sudah mengakui imannya kepada Allah SWT, tidak akan menjejaskan kadar imannya itu.

Walaupun *Murji'ah* sudah tidak ada lagi pada hari ini, namun fahaman dan pemikirannya masih lagi menjadi pegangan segelintir umat Islam hari ini. Konsep iman yang dipisahkan dari amalan ini boleh disaksikan dengan jelas khususnya di dalam aspek sosial masyarakat Islam seperti yang dibincangkan tadi. Hal tersebut yang berpunca dari kejahilan umat Islam sendiri terhadap pengajaran agama dan dorongan nafsu dari dalam diri, telah mendorong mereka untuk melanggar batas-batas yang telah ditetapkan oleh syariat Islam tanpa memikirkan kesan perbuatan mereka terhadap iman. Kerana itu umat Islam perlu mengetahui bahawa fahaman dan pemikiran *Murji'ah* telah kembali diamalkan oleh segelintir masyarakat dan jika dibiarkan terus merebak maka ajaran Islam yang sebenar akan ditenggelami dan dibuang sedikit demi sedikit dari pegangan umat Islam oleh pemikiran *Murji'ah* dan idealisme-idealisme moden yang lain.

Nota Hujung

- ¹ 'Abd al-Qahir bin Tahir bin Muhammad al-Baghdady (1997), *al-Farq Bayn al-Firaq*, c. 2, Beirut: Dar al-Ma'arifah, h. 18.
- ² Muhammad bin Abd al-Karim bin Abi Bakr Ahmad *al-Shabrastany* (1997), *al-Milal wa al-Nihal*, c. 6, Beirut: Dar al-Ma'arifah, h. 161.
- ³ Ibrahim Anis (ed) (1972), *Al-Mu'jam al-Wasit*, c. 2, Kaherah: TTP, h. 329. Lihat dalam beberapa tafsir seperti: Muhammad bin Jarir al-Tabary (1997), *Tafsir al-Tabary*, juz. 3, Dimashq: Dar al-Qalam, h. 653, dan Ismail bin Kathir al-Qurashy al-Dimashqy (1994), *Tafsir al-Quran al-'Azim*, j. 2, Dimashq: Dar al-Fayha', h. 316.
- ⁴ Surah al-A'araf: 111.
- ⁵ Ismail bin Kathir al-Qurashy al-Dimashqy (1994), *Tafsir al-Quran al-'Azim*, j. 2, Dimashq: Dar al-Fayha', h. 316.
- ⁶ Surah al-Ahzab: 51.
- ⁷ Surah al-Taubah: 106.
- ⁸ Surah al-Baqarah: 218.
- ⁹ Muhammad bin Abd al-Karim bin Abi Bakr Ahmad *al-Shabrastany* (1997), *op. cit.*, h. 162.
- ¹⁰ Ahmad bin 'Atiyyah bin Ali al-Ghamidy (2002), *Al-Iman Bayna al-Salaf wa al-Mutakallimin*, Madinah Munawwarah: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam, h. 86.
- ¹¹ Muhammad bin Abd al-Karim bin Abi Bakr Ahmad *al-Shabrastany* (1997), *op. cit.*, h. 162.
- ¹² Muslim bin al-Hajjaj al-Naysabury, *Sahib Muslim*, Hadith ke-2887.
- ¹³ Muhammad Abu Zahrah (1989), *Tarikh al-Mazahib al-Islamiyyah: Fi al-Siyasah wa al-'Aqa'id wa Tarikh al-Mazahib al-Fiqhiyyah*, Kaherah: Dar al-Fikr al-'Araby, h. 120.
- ¹⁴ *Ibid.*, h. 121.
- ¹⁵ *Ibid.*, h. 121.
- ¹⁶ Ibn Hazm al-Andalusy (1999), *Al-Fisal fi al-Milal wa al-Ahwa' wa al-Nihal*, Susunan oleh Ahmad Shams al-Din, c. 2, j. 3, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 142.

¹⁷ Muhammad Abu Zahrah (1989), *op. cit.*, h. 123.

¹⁸ Muhammad Abu Zahrah (1989), *op. cit.*, h. 124.

¹⁹ 'Abd al-Qahir bin Tahir bin Muhammad al-Baghdady (1997), *op. cit.*, h. 187.

²⁰ Muhammad bin Abd al-Karim bin Abi Bakr Ahmad *al-Shahrastany* (1997), *op. cit.*, h. 162.

²¹ Abd al-Razzaq Mohammad Aswad (1981), *Al-Madkhal ila Dirasah al-Adyan wa al-Mazahib*, jld. 2, Beirut: al-Dar al-'Arabiyyah li al-Mawsu'at, h. 146.

²² Lihat: 'Abd al-Qahir bin Tahir bin Muhammad al-Baghdady (1997), *al-Farq Bayn al-Firaq*, c. 2, Beirut: Dar al-Ma'arif. Manakala al-Shahrastany di dalam *al-Milal wa al-Nihal* telah menyenaraikan enam golongan yang berada di bawah aliran Murji'ah dan dua daripadanya tidak disenaraikan oleh al-Baghdady iaitu *al-Ubaydiyyah* dan *al-Salibiyyah*. Aliran *al-Marisiyyah* pula termasuk dalam senarai al-Baghdady tetapi tidak termasuk di dalam senaraian al-Shahrastany.

²³ 'Abd al-Qahir bin Tahir bin Muhammad al-Baghdady (1997), *op. cit.*, h. 187.

²⁴ 'Abd al-Qahir bin Tahir bin Muhammad al-Baghdady (1997), *op. cit.*, h. 188.

²⁵ *Ibid.*, h. 188.

²⁶ Muhammad bin Abd al-Karim bin Abi Bakr Ahmad *al-Shahrastany* (1997), *op. cit.*, h. 163.

²⁷ *Ibid.*, h. 164.

²⁸ 'Abd al-Qahir bin Tahir bin Muhammad al-Baghdady (1997), *op. cit.*, h. 189.

²⁹ Muhammad bin Abd al-Karim bin Abi Bakr Ahmad *al-Shahrastany* (1997), *op. cit.*, h. 165.

³⁰ 'Abd al-Qahir bin Tahir bin Muhammad al-Baghdady (1997), *op. cit.*, h. 188.

³¹ Muhammad bin Abd al-Karim bin Abi Bakr Ahmad *al-Shahrastany* (1997), *op. cit.*, h. 166.

³² 'Abd al-Qahir bin Tahir bin Muhammad al-Baghdady (1997), *op. cit.*, h. 189.

³³ *Ibid.*, h. 189 dan Muhammad bin Abd al-Karim bin Abi Bakr Ahmad *al-Shahrastany* (1997), *op. cit.*, h. 167. Walau bagaimanapun aliran al-Marisiyyah

ini tidak disenaraikan sebagai satu aliran Murji'ah yang tersendiri oleh al-Shahrastany di dalam *al-Milal wa al-Nihal*.

³⁴ Muhammad bin Abd al-Karim bin Abi Bakr Ahmad *al-Shahrastany* (1997), *op. cit.*, h. 163.

³⁵ *Ibid.*, h. 167.

³⁶ Ahmad bin 'Atiyyah bin Ali al-Ghamidy (2002), *op. cit.*, h. 88.

³⁷ Abd al-Razzaq Mohammad Aswad (1981), *op. cit.*, h. 148.

³⁸ *Ibid.*, h. 119.

³⁹ Mohammad Hamzah (1985), *Al-Ta'aluf Bayna al-Firqah al-Islamiyyah*, Damsyik: Dar al-Qutaybah, h. 162.

⁴⁰ Abu al-Hasan 'Ali al-'Ash'ary (1993), *Al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah*, Tahqiq: Bashir Mohammad 'Uyun, c. 4, Riyad: Maktabah al-Mu'ayyad, h. 42.

⁴¹ Ahmad bin 'Atiyyah bin Ali al-Ghamidy (2002), *op. cit.*, h. 91. Buku ini juga menambah bahawa Murji'ah juga menolak konsep *istithna'* dalam perkara iman kerana ia menunjukkan adanya unsur syak dalam iman. Yang dimaksudkan dengan *istithna'* ialah seperti seseorang berkata: "*Saya beriman dengan izin Allah*".

⁴² Ahmad bin 'Atiyyah bin Ali al-Ghamidy (2002), *op. cit.*, h. 106.

⁴³ *Kod Pakaian Terengganu*, (21 Mac 2000), Pusat Sumber, Kenyataan Akhbar, <http://www.sisterinislam.org.my>.

⁴⁴ *Kesopanan dan Kesederbanaan Pakaian Dalam Islam*, (8 Ogos 1997), dalam: Pusat Sumber, Surat Kepada Pengarang, <http://www.sisterinislam.org.my>.

⁴⁵ *Ada Apa Dengan Tudung?*, (19 Februari 2004), Pusat Sumber, Surat Kepada Pengarang, <http://www.sisterinislam.org.my>.

⁴⁶ *Kerajaan Tidak Harus Mengawal Moral*, (25 Mac 2005), Pusat Sumber, MAMP, <http://www.sisterinislam.org.my>.

⁴⁷ Contohnya: Surah al-Isra': 13, al-Hujurat: 11,

⁴⁸ Lihat kitab-kitab hadith seperti: Sahih Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Tirmizi, Sunan Nasa'i dan lain-lain lagi di dalam bab-bab seperti *Kitab al-Salam*, *al-Isti'zan*, *al-Adab*, *al-Zinah* dan sebagainya.

⁴⁹ Hedonisme bermaksud pegangan atau pandangan hidup yang mementingkan keseronokan atau kesenangan hidup. Lihat *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (2000), c. 5, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 448.

-
- ⁵⁰ *Istilah Kongsi Raya Untuk Enam Perayaan Utama*, (13 Disember 2003), Ruangan: Dalam Negeri, <http://www.utusan.com.my>.
- ⁵¹ Ibn Hazm al-Andalusy (1999), *op. cit.*, h. 142.
- ⁵² Surah Ali Imran: 19.
- ⁵³ Surah al-Kafirun: 6.
- ⁵⁴ *Ulama Mahu Amalan Kongsi Raya Dikaji Semula*, (14 Jun 2006), Ruangan: Dalam Negeri, <http://www.utusan.com.my>.
- ⁵⁵ *Fahaman Pluralisme Mula Menular Di Kalangan Golongan Terpelajar*, (13 Jun 2006), Ruangan: Dalam Negeri, <http://www.utusan.com.my>.
- ⁵⁶ *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (2000), c. 5, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1213.
- ⁵⁷ *Fahaman Pluralisme Mula Menular Di Kalangan Golongan Terpelajar*, (13 Jun 2006), Ruangan: Dalam Negeri, <http://www.utusan.com.my>.
- ⁵⁸ *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (2000), c. 5, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 351.
- ⁵⁹ *Fahaman Pluralisme Mula Menular Di Kalangan Golongan Terpelajar*, (13 Jun 2006), Ruangan: Dalam Negeri, <http://www.utusan.com.my>.